CLAYBRICKS & TILES SDN BHD

lwn.

TENAGA NASIONAL BHD

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
MOKHTAR SIDIN HMR
MOHD GHAZALI YUSOFF HMR
ZULKEFLI MAKINUDIN HMR
[RAYUAN SIVIL NO: J-02-892-2005]
8 NOVEMBER 2006

KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM: *Elektrik - Pemotongan bekalan elektrik - Usikan pemasangan meter elektrik di premis perniagaan perayu - Sama ada terdapat isu-isu serius bona fide - Sama ada perlu untuk kesalahan pengguna dibuktikan di mahkamah sebelum bekalan elektrik dipotong - Sama ada responden telah bertindak secara mala fide - Akta Bekalan Elektrik 1990, s. 38(1)*

PROSEDUR SIVIL: *Injunksi - Injunksi Erinford - Pemotongan bekalan elektrik - Usikan pemasangan meter elektrik di premis perniagaan perayu - Sama ada terdapat isu-isu serius bona fide - Sama ada perlu untuk kesalahan pengguna dibuktikan di mahkamah sebelum bekalan elektrik dipotong - Sama ada responden telah bertindak secara mala fide - Akta Bekalan Elektrik 1990, s. 38(1)*

TAFSIRAN STATUT: *Pentafsiran statut - Pendekatan literal - Tujuan badan perundangan - Akta Bekalan Elektrik 1990, s. 38(1) - Sama ada perlu untuk kesalahan pengguna dibuktikan di mahkamah sebelum bekalan elektrik dipotong*

Ini adalah suatu permohonan oleh perayu untuk suatu perintah injunksi Erinford menghalang atau menyekat pihak responden atau wakilnya memotong bekalan elektrik kepada premis perayu, sementara menanti pendengaran rayuan yang telah dibuat oleh perayu terhadap keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi bertarikh 17 Ogos 2005. Pada 7 Disember 2004, responden telah mengutuskan suatu surat kepada perayu mendakwa bahawa pemasangan meter elektrik di premis perniagaan perayu telah diusik dan memanggil perayu memberikan penjelasannya di pejabat responden. Semasa perbincangan tersebut, perayu diberitahu pemeriksaan telah dijalankan oleh responden dan didapati meter elektrik yang dipasang tidak dapat berfungsi dengan baik dan perayu dikehendaki membayar RM1,723,304.17, iaitu 30%

kerugian yang dikira dari bulan Januari 2001. Perayu mempertikaikan dasar tuntutan responden, dan pada 12 Mei 2005 responden mengeluarkan notis pemotongan elektrik yang memberikan perayu tempoh hingga 23 Mei 2005 untuk menjelaskan tuntutan tersebut. Sekiranya tidak, bekalan elektrik akan dipotong pada 24 Mei 2005. Perayu kemudian telah memfailkan tuntutan guaman sivil terhadap responden dan pada 17 Ogos 2005, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan perayu. YA Hakim berpendapat tiada isu serius yang perlu dibincangkan oleh sebab s. 38(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 ('Akta') memberi hak penuh interim kepada responden untuk memotong bekalan dan perayu mempunyai remedi lain terhadap responden sekiranya pemotongan itu adalah *mala fide*.

Diputuskan (menolak permohonan perayu)
Oleh Zulkefli Makinudin HMR:

(1) YA Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini telah memutuskan dengan betul apabila menolak permohonan perayu kerana telah mendapati bahawa tiada isu-isu serius *bona fide* yang perlu dibicarakan. (perenggan 5)

(2) Peruntukan s. 38(1) Akta adalah jelas dan terang di mana proses Mahkamah tidak diperlukan untuk menentukan sama ada sesuatu kesalahan telah dilakukan sebelum tindakan di bawah seksyen tersebut boleh diambil. Sekiranya proses pembuktian kesalahan melalui Mahkamah diperlukan, ianya akan mengambil masa yang lama sebelum kuasa di bawah s. 38(1) Akta dapat digunakan. Seksyen 38(1) Akta telah diperuntukkan secara spesifik untuk menjaga kepentingan Tenaga Nasional Bhd ('TNB') dan membolehkan TNB bertindak cepat dan dengan itu dapat mencegah penyalahgunaan seperti pencurian bekalan elektrik yang dibekalkan oleh TNB. Jika badan perundangan berniat bahawa pembuktian kesalahan melalui Mahkamah diperlukan sebelum kuasa di bawah s. 38(1) Akta dapat digunakan, maka peruntukan yang jelas harus dibuat mengenainya. Bagaimanapun, tiada peruntukan seperti itu dibuat. Tafsiran yang cuba diketengahkan oleh perayu tidak dapat diterima kerana jika Mahkamah ini berbuat demikian dengan memasukkan perkataannya sendiri untuk dipakai di dalam Akta, ianya adalah bertentangan sama sekali dengan segala prinsip pentafsiran statut. (perenggan 8)

(3) Mengenai dakwaan perayu bahawa responden telah bertindak secara *mala fide* dalam proses pemotongan bekalan elektrik tersebut dan penyata bertulis yang dikemukakan oleh responden bagi kehilangan hasil sebanyak RM1,723,304.17 yang dikatakan oleh perayu sebagai tidak tepat dan dipertikaikan, isu-isu ini jika ianya mempunyai merit sekalipun hendaklah dibangkitkan oleh perayu di dalam forum atau kausa tindakan yang lain. Perayu tidak boleh mempersoalkan kuasa yang diberikan kepada responden berhubung pemotongan bekalan elektrik dan seterusnya kuasa responden menuntut bayaran-bayaran yang dikenakan terhadap perayu apabila responden telah membuat kiraan semula jumlah penggunaan elektrik yang sebenarnya. Perayu adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak bekalan bertarikh 25 Mei 1995 yang ditandatangani antara perayu dan responden di mana perayu hendaklah mematuhi kehendak Akta dan peraturan-peraturan yang dibuat dibawahnya. (perenggan 9)

Kes-kes yang dirujuk:

Dai-Ichi Electronics (M) Sdn Bhd lwn. Tenaga Nasional Berhad [1996] 4 MLJ 506 ***(tidak diikuti)***

Tan Yeong Kim lwn. Tenaga Nasional Berhad [2000] 8 CLJ 629 HC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Electricity Supply Act 1990, ss. 24, 37(1), (3), (14), 38(1)

Bagi pihak perayu - Ang Boon Heng; T/n Ang & Co
Bagi pihak responden - KC Lu; T/n Shahrizat Rashid & Lee

[Rayuan dari Mahkamah Tinggi, Johor Bahru; Guaman No: 22-333-2005]

Dilaporkan oleh Suresh Nathan

PENGHAKIMAN

Zulkefli Makinudin HMR

Permohonan

[1] Ini adalah suatu permohonan oleh perayu ("plaintif di Mahkamah Tinggi") melalui notis usul di Lampiran (4a) untuk suatu perintah injunksi Erinford menghalang atau menyekat pihak responden ("defendan di Mahkamah Tinggi") atau wakilnya memotong bekalan elektrik kepada premis perayu iaitu Claybricks

& Tiles Sdn. Bhd., Batu 5, Jalan Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor, sementara menanti perdengaran rayuan yang telah dibuat oleh perayu terhadap keputusan YA Hakim Mahkamah Tinggi Johor Bahru bertarikh 17 Ogos 2005.

Fakta Kes

[2] Fakta-fakta yang relevan berhubung dengan permohonan perayu ini adalah seperti berikut:

(i) Pada 7 Disember 2004 responden mengutuskan suatu surat kepada perayu mendakwa bahawa pemasangan meter elektrik di premis perniagaan perayu telah diusik dan memanggil perayu memberikan penjelasannya di pejabat responden. Semasa perbincangan di pejabat responden, perayu diberitahu pemeriksaan telah dijalankan oleh responden dan mendapati meter elektrik yang dipasang tidak dapat berfungsi dengan baik dan perayu dikehendaki membayar RM1,723,304.17 iaitu 30% kerugian yang dikira dari bulan Januari 2001. Surat tuntutan bayaran tersebut adalah bertarikh 10 Disember 2004. Melalui surat peguamcaranya perayu mempertikaikan dasar tuntutan responden tersebut.

(ii) Pada 12 Mei 2005 responden mengeluarkan notis pemotongan elektrik dan perayu diberikan tempoh hingga 23 Mei 2005 untuk menjelaskan tuntutan tersebut, sekiranya tidak, bekalan elektrik akan dipotong pada 24 Mei 2005. Perayu telah menghantar surat jawapannya bertarikh 17 Mei 2005 dan juga telah menghadiri perbincangan di pejabat responden pada 18 Mei 2005. Perayu kemudian diberitahu bahawa bekalan elektrik di premis tersebut akan dipotong.

(iii) Perayu kemudian memfailkan tuntutan Guaman Sivil No. 22-333-2005 di Mahkamah Tinggi Johor Bahru terhadap responden. Perayu juga melalui saman dalam kamar memohon suatu perintah injunksi *ex parte* dikeluarkan untuk menghalang responden atau wakilnya memotong bekalan elektrik ke premis perniagaan perayu. Pada 20 Mei 2005 Mahkamah Tinggi telah membenarkan permohonan perayu dan memerintahkan *ex parte* injunksi dikeluarkan. YA Hakim telah menetapkan 1 Jun 2005 untuk perbicaraan permohonan secara *inter parte*. Pendengaran telah ditangguhkan ke 1 Ogos 2005 dan seterusnya ke 17 Ogos 2005.

(iv) Pada 17 Ogos 2005 setelah mendengar hujahan kedua-dua pihak, YA Hakim Mahkamah Tinggi telah menolak permohonan perayu dan mengenepikan perintah injunksi *ex parte* tersebut. YA Hakim berpendapat tiada isu serius yang perlu dibicarakan oleh sebab s. 38(1) Akta Bekalan Elektrik 1990 ("Akta tersebut") memberi hak penuh interim kepada responden untuk memotong bekalan dan perayu mempunyai remedi lain terhadap responden sekiranya pemotongan itu adalah *mala fide*.

[3] Pihak perayu melalui afidavit sokongan yang diikrarkan oleh Tan Sim Tee @ Tang Hui Chiang telah mengemukakan alasan-alasan permohonan bagi Lampiran (4a) antara lainnya seperti berikut:

(i) Terdapat isu *bona fide* yang perlu dibicarakan.

(ii) Meter elektrik dan komponennya yang terletak di dalam satu bilik khas "meter reading room" berada dalam jagaan dan kawalan responden.

(iii) Kerja-kerja pemeriksaan dan penyelenggaraan bilik meter telah dijalankan dari semasa ke semasa oleh responden dan pada hujung tiap-tiap bulan bacaan meter telah diambil oleh pekerja responden dan perayu telah dikenakan caj yang dipersetujui.

(iv) Samada satu kesalahan telah dilakukan di bawah s. 37 Akta tersebut adalah satu isu serius yang *bona fide* perlu dibicarakan.

(v) Jika responden tidak dihalang akan menyebabkan urusniaga perayu terhenti dan pelanggan serta pekerja perayu hilang kepercayaan kepada perayu.

[4] Pihak responden melalui afidavit balasan mereka membantah terhadap permohonan perayu di Lampiran (4a) dan antara lainnya menyatakan seperti berikut:

(i) Permohonan perayu ini adalah salah di segi undang-undang kerana permohonan yang sama telah ditolak oleh Mahkamah Tinggi pada 17 Ogos 2005.

(ii) Jangka bagi tenaga elektrik yang dibekalkan kepada perayu oleh responden adalah dipasang dalam satu bilik di kilang perayu di mana perayu mempunyai kawalan dan pengurusan.

(iii) Melalui satu pemeriksaan di premis perayu dengan kehadiran perayu sendiri responden mendapati bahawa jangka tersebut telah diusik dan ia hanya merekodkan sebahagian amaun tenaga elektrik yang digunakan.

(iv) Ujian pemeriksaan ketepatan telah dijalankan oleh responden di mana perbandingan penggunaan amaun tenaga elektrik dibuat antara jangka perayu dengan jangka responden.

(v) Hasil ujian tersebut mendapati amaun tenaga elektrik yang direkodkan oleh jangka perayu adalah 30% lebih rendah daripada jangka semak responden.

(vi) Setelah laporan penuh siap, responden telah membuat pengiraan semula amaun tenaga elektrik yang digunakan oleh perayu dan memaklumkan kepada perayu mengenai hal tersebut.

(vii) Pada 11 Mei 2005 satu operasi oleh pihak ketiga (team seal) telah dijalankan untuk memastikan kebenaran pengusikan jangka oleh pihak perayu tetapi pihak responden telah dihalang masuk oleh perayu. Responden hanya dibenarkan masuk apabila mereka membuat laporan polis dan diiringi oleh polis bersenjata. Responden kemudian mendapati terdapat pengusikan jangka oleh pihak perayu bagi kali kedua di mana terdapat "sambungan" tambahan yang tidak sah pada sistem pengjangkaan responden.

(viii) Responden mempunyai kuasa untuk memotong bekalan tenaga elektrik kepada perayu yang telah melakukan kesalahan di bawah s. 37 Akta tersebut.

Keputusan Mahkamah Rayuan

[5] Kami berpendapat bahawa YA Hakim Mahkamah Tinggi yang membicarakan kes ini telah memutuskan dengan betul apabila pada 17 Ogos 2005 YA Hakim menolak permohonan perayu dan mengenepikan perintah *ex parte* injunksi tersebut. YA Hakim Mahkamah Tinggi telah mendapati bahawa tiada terdapat isu-isu serius *bona fide* yang perlu dibicarakan. Isu utama yang dibangkitkan oleh pihak perayu di Mahkamah Tinggi dan sekali lagi di hadapan kami di Mahkamah Rayuan adalah mengenai pemakaian peruntukan s. 38 Akta tersebut.

[6] Peguam perayu telah berhujah bahawa responden adalah tertakluk kepada suatu duti statutori untuk membekal elektrik apabila diminta berbuat demikian oleh pemilik atau penghuni mana-mana premis seperti yang diperuntukkan di bawah s. 24 Akta tersebut. Seterusnya peguam perayu menyatakan bahawa responden tidak boleh mengambil tindakan memotong bekalan elektrik di bawah s. 38 Akta tersebut selagi kesalahan-kesalahan di bawah s. 37(1), 37(3) atau 37(14) Akta tersebut tidak dibuktikan dan pengguna itu disabitkan di mahkamah. Seksyen 38(1) Akta tersebut memperuntukkan seperti berikut:

> Jika mana-mana orang yang diambil kerja oleh pemegang lesen mendapati keterangan di mana-mana premis yang pada pendapatnya membuktikan bahawa suatu kesalahan telah dilakukan di bawah seksyen 37(1), 37(3) atau 37(14), pemegang lesen atau mana-mana orang yang diberi kuasa sewajarnya oleh pemegang lesen boleh dengan memberi notis tidak kurang daripada dua puluh empat jam, dalam apa-apa bentuk sebagaimana yang ditetapkan, menyebabkan bekalan tenaga dipotong daripada premis tersebut.

[7] Peguam perayu telah mengemukakan kes *Dai-Ichi Electronics (M) Sdn. Bhd. lwn. Tenaga Nasional Berhad* [1996] 4 MLJ 506 untuk menyokong hujahnya mengenai pemakaian peruntukan s. 38(1) Akta tersebut. Dalam kes tersebut YA Hakim Vincent Ng berpendapat bahawa tindakan untuk memotong bekalan elektrik oleh Tenaga Nasional Berhad ("TNB") hanya boleh dilaksanakan setelah pengguna itu dibuktikan melalui keterangan di mahkamah telah melakukan kesalahan di bawah s. 37(1), (3) atau (14) Akta tersebut. Menurutnya perkataan "membuktikan" di dalam s. 38(1) Akta tersebut membayangkan pembuktian di hadapan mahkamah undang-undang dan bukannya di hadapan seorang pekerja TNB. Dengan hormatnya kami tidak dapat bersetuju dengan tafsiran tersebut. Pada pandangan kami peruntukan s. 38(1) Akta tersebut tidak memerlukan kesalahan dibuktikan dahulu di mahkamah sebelum tindakan memotong bekalan elektrik boleh dilakukan oleh TNB. Dalam halperkara ini kami lebih cenderung untuk menerima dan bersetuju dengan tafsiran dan pandangan yang dibuat dalam kes *Tan Yeong Kim lwn. Tenaga Nasional Berhad* [2000] 8 CLJ 629 di mana YA Hakim Alauddin Mohd. Sheriff (YA pada masa itu) telah menyatakan antara lain bahawa s. 38(1) Akta tersebut tidak memerlukan satu pembuktian kesalahan oleh mahkamah sebagai pra-syarat sebelum kuasa pemotongan dapat dilaksanakan oleh TNB sebagai pemegang lesen. Seterusnya YA Hakim menyatakan

ianya digubal sebegitu rupa untuk memberi kuasa efektif kepada TNB memberhentikan dengan segera sebarang kesalahan yang berlaku dan tidak dibiarkan berlarutan.

[8] Kami perlu menyatakan di sini bahawa peruntukan s. 38(1) Akta tersebut adalah jelas dan terang di mana proses mahkamah tidak diperlukan untuk menentukan samada sesuatu kesalahan telah dilakukan sebelum tindakan di bawah seksyen tersebut boleh diambil. Sekiranya proses pembuktian kesalahan melalui mahkamah diperlukan ianya akan mengambil masa yang lama sebelum kuasa di bawah s. 38(1) dapat digunakan. Kami berpendapat s. 38(1) Akta tersebut telah diperuntukkan secara spesifik untuk menjaga kepentingan TNB dan membolehkan TNB bertindak cepat dan dengan itu dapat mencegah penyalahgunaan seperti pencurian bekalan elektrik yang dibekalkan oleh TNB. Jika badan perundangan berniat bahawa pembuktian kesalahan melalui mahkamah diperlukan sebelum kuasa di bawah s. 38(1) Akta tersebut dapat digunakan, maka peruntukan yang jelas harus dibuat mengenainya. Bagaimanapun tiada peruntukan seperti itu dibuat. Adalah pandangan kami tafsiran yang cuba diketengahkan oleh peguam perayu tidak dapat diterima kerana jika mahkamah ini berbuat demikian dengan memasukkan perkataannya sendiri untuk dipakai ke dalam Akta, ianya adalah bertentangan sama sekali dengan segala prinsip pentafsiran statut.

[9] Mengenai dakwaan perayu bahawa responden telah bertindak secara *mala fide* dalam proses pemotongan bekalan elektrik tersebut dan penyata bertulis yang dikemukakan oleh responden bagi kehilangan hasil sebanyak RM1,723,304.17 yang dikatakan oleh perayu sebagai tidak tepat dan dipertikaikan, kami berpendapat isu-isu ini jika ianya mempunyai merit sekalipun hendaklah dibangkitkan oleh perayu di dalam forum atau kausa tindakan yang lain. Adalah pandangan kami perayu tidak boleh mempersoalkan kuasa yang diberikan kepada responden berhubung pemotongan bekalan elektrik dan seterusnya kuasa responden menuntut bayaran-bayaran yang dikenakan terhadap perayu apabila responden telah membuat kiraan semula jumlah penggunaan elektrik yang sebenarnya. Perayu adalah terikat dengan syarat-syarat yang terkandung di dalam kontrak bekalan bertarikh 25 Mei 1995 yang ditandatangani antara perayu dan responden di mana perayu hendaklah mematuhi kehendak Akta tersebut dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Penutup

[10] Atas alasan-alasan yang telah dihuraikan seperti di atas kami berpendapat dan memutuskan bahawa perayu tidak berhak mendapat perintah seperti yang dipohon. Permohonan perayu di Lampiran (4a) adalah dengan itu ditolak dengan kos.